



Roslee (dua dari kiri) menunjukkan barang rampasan pada sidang media di IPK Terengganu, semalam. (Foto Ghazali Kori/BH)

Rampasan dadah RM1.72 juta

Sindiket berselindung di sebalik rumah keluarga

Oleh Zatul Iffah Zolkipli
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Berselindung di sebalik rumah keluarga dan kawasan kampung antara taktik digunakan sindiket pengedaran dadah bertapak di Kemasik, Kemaman bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Bagaimanapun, kegiatan kumpulan berkenaan yang dipercayai aktif sejak enam bulan lalu terbongkar susulan penahanan empat individu, termasuk seorang wanita berusia antara 20 hingga 40-an.

Susulan itu, polis merampas dadah bernilai hampir RM1.72 juta dalam serbuan berasingan di Kemasik, Kemaman antara jam 5.30 pagi hingga 1.45 tengah hari, Isnin lalu.

Selain merampas dadah jenis pil kuda, syabu dan heroin, polis turut merampas sepucuk pistol tiruan, kereta Honda Civic dan wang tunai RM63,318 dipercayai hasil kegiatan berkenaan.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Roslee Chik, berkata serbuan pertama di sebuah rumah di Kemasik dan pihaknya menahan tiga lelaki, termasuk seorang daripadanya pernah ditahan kerana me-

lakukan kesalahan di bawah Langkah-Langkah Pencegahan Khas (LLPK) 1985.

Beliau berkata, suspek berusia 38 tahun yang keluar dari sebuah pusat kerana LLPK pada Februari lalu itu turut mengacukan pistol ke arah anggota, namun kemudian melemparnya sebelum dia ditahan.

Katanya, hasil pemeriksaan menemui pelbagai jenis dadah iaitu 40 botol heroin dianggarkan seberat 220 gram (g), syabu 1,300g dan 42,200 pil kuda.

“Serbuan seterusnya dilakukan di sebuah rumah kira-kira 30 meter dari lokasi pertama sebelum berjaya menahan seorang wanita berusia 31 tahun.

“Hasil pemeriksaan, kami merampas 3,710g heroin, satu plastik syabu seberat 15.44g dan 1,400 pil kuda dengan rampasan dianggarkan bernilai RM252,916,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu di sini, semalam.

Roslee berkata, siasatan awal mendapati sindiket ini sudah bertapak di Kemaman sejak enam bulan lalu dengan menyasarkan pasaran di Terengganu dan Pahang.

Beliau berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan tangkapan itu mempunyai kaitan dengan rampasan 50,000 pil kuda dalam serbuan ke atas sebuah lori mengangkut buah berhampiran Plaza Tol Telemong di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT 2), Hulu Terengganu pada 25 April lalu.